



ROSMAH menyuap makanan ke mulut seorang kanak-kanak di penempatan sementara banjir di Sekolah Kebangsaan Changkat Jong, Teluk Intan semalam.

Rosmah lawat mangsa banjir

TELUK INTAN - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor semalam melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Bencana di Sekolah Kebangsaan Changkat Jong di sini.

Rosmah yang juga Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) turut menyampaikan sumbangan RM10,000 daripada Bakti kepada Yang Dipertua Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri), Datin Seri Saripah Zulkifli untuk diagih-agih-

kan kepada mangsa banjir.

Beliau meluangkan masa kira-kira sejam beramah mesra dan meninjau keadaan 134 mangsa daripada 41 keluarga yang masih berada di pusat pemindahan itu yang dibuka sejak Ahad lepas.

Beliau tidak ketinggalan membantu memasak hidangan tengah hari yang disediakan di pusat berkenaan untuk mangsa terlibat.

Dalam ucapan ringkasnya, Rosmah berkata, beliau bersyukur kerana dapat turun padang bertemu mangsa banjir

di kawasan itu.

Kerajaan, katanya sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan rakyat yang ditimpa bencana alam.

"Di sini semua cukup, makan pun cukup," katanya yang turut menyampaikan salam Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada mangsa banjir.

Terdahulu, beliau mendengar taklimat perkembangan banjir di daerah Hilir Perak daripada Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Goh Kok Liang. - Bernama